



Ramai hidap skoliosis tanpa diketahui punca

Kuala Lumpur: Lebih kurang 70 hingga 80 peratus pesakit skoliosis menghidap skoliosis jenis *adolescent idiopathic scoliosis* (AIS) iaitu punca yang tidak diketahui.

Pakar Bedah Ortopedik Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Mohd Hezery Harun berkata, penyakit ini terjadi dengan sendirinya, sama ada peringkat *early on set* iaitu sebelum pesakit berusia lima tahun atau *late on set* (selepas pesakit berusia lima tahun).

Menurutnya,

ini bukan penyakit genetik, tetapi boleh berlaku dalam kalangan keluarga terdekat.

“Maksudnya, jika salah seorang adik beradik menghidap skoliosis, maka ada kemungkinan adik beradik yang lain turut menghidap skoliosis jenis AIS.

“Ada juga skoliosis yang berlaku mempunyai kaitan dengan masalah kesihatan dihidapi seseorang. Terutama-nya penyakit saraf, otot, cereberal palsy, masalah spinal bifida pada tulang belakang dan saraf tulang belakang.

“Masalah seperti ini boleh menyebabkan skoliosis ber-

laku kepada pesakit pada usia sangat awal iaitu kurang lima tahun yang dipanggil sebagai *congenital scoliosis*,” katanya.

Dr Mohd Hezery berkata, secara umumnya skoliosis bermaksud tulang belakang seseorang tidak normal dari segi morfologi dan dimensinya.

“Tulang belakang pesakit akan membengkok atau melengkung ke sebelah kiri atau kanan dengan putaran pembengkokan tulang tiga dimensi.

“Keadaan ini akan me-

sakit skoliosis,” katanya.

Beliau berkata, bagi menentukan sama ada pesakit perlu menjalani pembedahan atau tidak adalah bergantung pada tahap darjah pembengkokan dialami pesakit dan potensi darjah pembengkokkan.

Malah, untuk menjadi lebih teruk ialah bergantung kepada usia serta ketahanan tulang pesakit.

“Secara umumnya, ukuran untuk pembedahan ialah apabila tulang membengkok pada tahap lebih kurang 45 darjah. Tetapi, jika tidak mengganggu fungsi tulang dan harian, maka pesakit tidak perlu dibedah.

“Sebaliknya, jika berlaku pembengkokan lebih 45 atau 50 darjah pada usia yang

mana tulang pesakit masih belum matang, pesakit memerlukan pembedahan untuk menghentikan pembengkokkan selanjutnya.

“Tulang belakang yang bengkok berpotensi untuk terus membengkok mengikut usia. Apabila pembengkokkan melebihi 70 darjah, ia akan mengganggu fungsi *cardiopulmonary* terutamanya fungsi paru-paru,” katanya.

Katanya lagi, kajian mendapati lazimnya wanita lebih berisiko tinggi mengalami skoliosis dan kanak-kanak berusia kurang lima tahun.

Jika mengalami penyakit ini, maka perkembangan pembengkokkan tulang menjadi lebih cepat, katanya.

“**Tulang belakang yang bengkok berpotensi untuk terus membengkok**”
Mohd Hezery